

Perspektif

DUNIA DI SEBALIK JERJI

Oleh

DR. HAJAH SA'ADIAH SHUIB

Mantan Pensyarah Kanan
Institut Aminuddin Baki
Genting Highlands

sedyiab11@gmail.com

Editor: Nursyazni Abdul Rahim

Jenayah adalah satu kesalahan. Itu jelas.

Ini kerana setiap yang melanggar undang-undang itu adalah salah. Jenayah itu kejahatan. Itu juga jelas. Ia dikatakan jahat kerana atas sebab kesan kepada pihak lain yang memudaratkan. Kadangkala bukan seseorang itu sengaja untuk melakukan jenayah. Namun begitu, manusia yang lemah imannya akan mudah tewas apabila memandangi kemewahan, lalu ia disalahgunakan. Mencari keseronokan yang akhirnya menghanyutkan. Tiada ibu bapa di dunia ini yang ingin membiarkan anak-anak mereka melakukan kejahatan. Anak adalah amanah daripada Allah SWT dan ianya sebahagian daripada ujian Allah SWT kepada kita hamba-Nya.

Firman Allah SWT;

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

"Harta benda dan anak-anak kamu hanyalah menjadi ujian dan di sisi ALLAH ada pahala yang besar." (Al-Quran Surah At-Taghabun, 64 : 15)

Namun begitu, kesibukan ibu bapa dalam mencari rezeki untuk keluarga sememangnya menghadkan masa ibu bapa untuk bersama anak-anak.

Namun ini bukanlah alasan untuk mengabaikan pendidikan dan pemantauan terhadap anak-anak dengan tidak menjadualkan kegiatan harian anak-anak. Sebaliknya terlalu memfokuskan anak-anak kepada sesuatu aktiviti sahaja tanpa mengambil kira perasaan mereka.

Jabatan Penjara Malaysia telah meletakkan pendidikan sebagai suatu kewajipan yang perlu ditunaikan. Maka dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Sekolah Integriti telah ditubuhkan pada tahun 2008. Pendekatan pendidikan dalam proses pemulihan remaja di bawah usia 21 tahun sepertimana diperuntukkan di bawah peraturan 51 (Peraturan Penjara 2000).

Malaysia sebagai salah satu negara pelopor yang memberikan peluang kedua dengan memberikan pendidikan kepada remaja yang telah terlibat dengan salah laku jenayah dan tertuduh dan sabit kesalahan dan mereka terpaksa meringkuk dalam penjara. Pengalaman lawatan ke Sekolah Integriti, membangkitkan rasa ingin tahu saya yang meluap-luap untuk melihat keadaan sebenar bagaimana sekolah ini diurus dan ingin bertemu dengan pelajar-pelajarnya.



Gambar 1. Taklimat Lawatan oleh Penyelia Sekolah Integriti Sungai Petani Kedah.

Selesai sesi taklimat rombongan kami dibawa masuk ke kawasan sekolah melalui pintu utama Penjara Sungai Petani. Setiap orang daripada kami tidak dibenarkan membawa sebarang alat perakam, kamera atau telefon bimbit.

Pengawal Penjara melakukan prosedur biasa kepada setiap pelawat dengan menjalankan 'body check' untuk memastikan tiada barang terlarang dibawa masuk, sebelum kami melepasi lapisan pintu kedua. Jarak pintu kedua dengan pintu ketiga dengan satu lagi pagar tinggi berduri, adalah kira-kira 7 meter. Perjalanan masuk menuju ke kawasan sekolah melalui beberapa blok bangunan lengkap jeriji di dalamnya para banduan sedang melakukan aktiviti harian, sama ada mendobi, bengkel kayu dan pertukangan, memasak dan lanskap. Setelah melalui tujuh lapisan pintu pagar, dan dikawal rapi oleh warden penjara, barulah sampai ke kawasan sekolah. Perasaan saya ketika itu sukar digambarkan.

“Cemas, sayu, terkejut bercampur baur, sebuah pengalaman yang begitu berharga.”


- Dr Hajah Sa'adiyah Shuib




Gambar 2. Pintu utama Penjara Sungai Petani

Sekolah ini terdiri daripada satu blok khas dilengkapi dengan tujuh buah bilik darjah, sebuah perpustakaan, sebuah makmal komputer, dewan, bilik guru dan bilik gerakan. Kesemua bilik ini dipasang dengan jeriji besi yang kukuh manakala sekeliling blok sekolah dipagar tinggi dengan dawai gelung berduri di bahagian atas. Semasa saya melihat sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung di setiap kelas ada seorang warden penjara bertugas mengawal keselamatan.

Carta 1: Peratusan Enrolmen Pelajar



Carta 2: Enrolmen Pelajar Mengikut Kelas



Carta 1 dan 2 menggambarkan betapa bangsa Melayu 71% lebih tinggi berbanding kaum lain. Mengapakah ini terjadi?

Setiap kelas yang saya kunjungi memberikan ucapan hormat sambil berdiri, Apa yang di sebut sampai sekarang saya masih tertanya-tanya apakah butirannya walau disebut kuat tapi tak jelas pada pendengaran saya sama seperti arahan komander kawat kaki! Saya berpeluang berjumpa dan berinteraksi dengan guru-guru dan para pelajar dalam kelas. Salah seorang daripada murid yang saya temu bual, berwajah tampan dan mempunyai sepasang mata jernih. Apabila ditanya apa kes? "Mandatori cikgu! Bawa dadah ½ kg, sebelum tu bawa lebih 2 kg tak kena pun," jawabnya selamba.



Gambar 3. Seorang pelajar sedang memberikan respons pada soalan yang diajukan.


Seorang lagi pelajar apabila saya bertanya kes apa? "Rogol" katanya. Saya agak tergamam apabila mendengar pengakuan mereka. Kebanyakan mereka ini amat manja dengan guru-guru mereka. Maklumlah para pendidik dibekalkan dengan ilmu psikologi dan perkembangan manusia semasa mereka mengambil latihan ikhtisas. Guru-guru biasanya lebih memahami jiwa remaja, bayangkan kalau satu biji gula-gula yang guru berikan kepada pelajar, mereka kongsi dan gigit bahagi kepada 6 orang.

Seorang guru menceritakan pengalaman beliau ketika mengiringi pelajar untuk menyertai pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK). Pelajar-pelajar ini dibawa pergi dan balik dengan bas penjara dengan tangan bergari. Ketika mereka tidak berjaya membawa balik piala kemenangan dalam acara yang mereka sertai, ketua pasukan akan datang berlutut di hadapan guru ini sambil memohon maaf kerana telah mengecewakannya.

Begitulah rapatnya laras psikologi antara mereka kerana 'peluang kedua' memberi makna yang sangat signifikan kepada para pelajar, penghuni di sebalik jeriji besi yang memisahkan kehidupan mereka dengan dunia luar. Di sebalik tembok dan jeriji besi itu masih wujud harapan yang menggunung tinggi dalam diri pelajar-pelajar Sekolah Integriti Penjara Sungai Petani untuk menjadi individu yang lebih berakhlak serta berdaya saing menerusi peluang kedua yang diberi iaitu menuntut ilmu.

Seorang pelajar berkata dia berasa gembira dapat menyambung pelajaran kembali menerusi peluang kedua yang diberikan kerajaan dengan pengisian yang terdapat dalam Sekolah Integriti ini. "Rasa seronok dapat belajar lagi sekali dengan ada peluang kedua ini sebab sebelum masuk sini saya belajar sampai darjah enam sahaja," katanya.

Beliau yang telah menjalani hukuman sejak lima tahun lalu berkata guru-guru di sekolah integriti berkenaan memberikan komitmen sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. "Cikgu ajar sungguh-sungguh yang mana kalau saya tidak faham cikgu akan tunjuk satu persatu," katanya. Menerusi ilmu yang dia peroleh daripada sekolah integriti ini dapat memberikan masa depan yang cerah kepadanya untuk menghadapi dunia luar setelah dibebaskan kelak.




Gambar 4. Dua orang pelajar sedang merenung dunia melalui jeriji. Mungkin penyesalan menyelinap dalam sanubari mereka.

Sementara itu seorang lagi pelajar berkata, dia lebih memahami erti kehidupan sebenar sepanjang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah ini. "Saya tahu erti menghargai masa, menghargai ibu bapa dan lebih berdisiplin dan kini merasakan ilmu itu penting yang wajib dituntut untuk mengetahui benda-benda yang tidak tahu," katanya. Pelajar ini ditahan atas kesalahan di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan sejak dua tahun lalu berkata dia akan berusaha memperbaiki kelemahan diri untuk menjadi individu yang berjaya bagi membuktikan kepada masyarakat luar.

Orang sepertinya turut mempunyai kemampuan memperoleh kehidupan yang cemerlang. "Saya mahu jadi insan yang berjaya bangun daripada kekalahan dan akan buktikan kepada orang luar," katanya yang meletakkan sasaran mendapat keputusan cemerlang 5A dalam peperiksaan SPM. Penyelia Sekolah Integriti Penjara Sungai Petani, dalam sesi taklimat berkata pencapaian yang paling besar dicatatkan oleh Sekolah Integriti ini adalah seorang pelajar SPM di sini mendapat keputusan cemerlang 7A dan 1B.

"Ya sudah pasti suasana persekitaran di sekolah integriti ini kita tidak memanggil mereka banduan sebaliknya pelajar. Hubungan akan jadi lebih rapat sesama kita dan tidak tertekan," katanya yang menambah semua guru yang mengajar di sekolah ini adalah guru terlatih lepasan ijazah. Ini bermakna, selagi hayat, kita tidak boleh berputus harap, berikanlah peluang kedua kepada mereka untuk membuktikan bahawa kesilapan lalu yang pernah mereka lakukan bukanlah bermakna penamat dalam kehidupan.



Gambar 5. Pelajar berpeluang menggunakan kemudahan di Bilik Komputer.

"Sekarang pelajar itu melanjutkan pelajaran di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)," katanya. Pendekatan yang digunakan oleh sekolah integriti selari dengan objektif Jabatan Penjara iaitu pemulihan selain hukuman yang dapat mengubah akhlak seseorang banduan ke arah lebih baik lagi kerana ilmu itu akan merubah mereka. Beliau tidak menafikan bahawa setiap pelajar di sekolah ini akan mempunyai jati diri dan disiplin yang tinggi di samping akan berasa lebih dihargai.

“Selamat Maju Jaya kepada warga pelajar dan pendidik di Sekolah Integriti Sungai Petani, Kedah!”